Orang yang menyambung tali persaudaraan bukanlah orang yang membalas, tetapi orang yang menyambung tali persaudaraan ialah orang yang apabila tali persaudaraannya diputuskan, maka dia menyambungkannya

Daripada Abdullah bin Amr RA, bahawa Nabi ﷺ bersabda: "Orang yang menyambung tali persaudaraan bukanlah orang yang membalas, tetapi orang yang menyambung tali persaudaraan ialah orang yang apabila tali persaudaraannya diputuskan, maka dia menyambungkannya."

[صحيح] [رواه البخاري]

Nabi ﷺ mengkhabarkan bahawa manusia yang sempurna dalam menyambung silaturahim dan berbuat baik kepada kaum kerabat bukanlah orang yang membalas kebaikan dengan kebaikan, Bahkan, penyambung silaturrahim yang hakiki dan sempurna ialah orang yang menyambung kembali hubungan yang telah diputuskan; dan sekalipun mereka berbuat jahat kepadanya, dia tetap membalas mereka dengan kebaikan.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3854